

## **GARIS PANDUAN PEMBERIAN SURAT JAMINAN KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYA (KLINIK KESIHATAN PELAJAR 2008, PINDAAN 2018)**

### **SURAT JAMINAN KLINIK KESIHATAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA**

Setiap pelajar yang menyertai Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar Universiti Malaya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana Hospital Kerajaan/Swasta atau Klinik Kerajaan/Swasta dan menyerahkan Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan yang lengkap bersama dengan filem X-Ray dada atau Laporan X-Ray dada ke Klinik Kesihatan Pelajar Universiti Malaya.

Mana-mana pelajar yang tidak menyerahkan Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan adalah **TIDAK LAYAK** untuk mendapat sebarang kemudahan di bawah Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar Universiti Malaya.

#### **UMUM**

1. Surat Jaminan adalah dokumen terkawal yang mengesahkan bahawa pelajar yang namanya tertera pada dokumen tersebut adalah pelajar berdaftar di Universiti Malaya. Pelajar tersebut adalah layak untuk mendapat perkhidmatan seperti yang disebut di dalam dokumen dan segala pembayaran akan ditanggung oleh pihak universiti.
2. Surat Jaminan hanya boleh digunakan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Kerajaan, Institut Jantung Negara (IJN) dan Hospital IPTA yang lain.
3. Semua pelajar **DIWAJIBKAN** untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Pelajar terlebih dahulu dan akan dirujuk ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan jika perlu. Surat rujukan dari klinik/hospital lain adalah tidak boleh diterima pakai untuk pengeluaran Surat Jaminan.

## **SURAT JAMINAN**

1. Surat Jaminan hanya boleh diperolehi di Klinik Kesihatan Pelajar dan dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan.
2. Surat Jaminan akan dikeluarkan atas nama pelajar dan Surat Jaminan ini perlu diserahkan kepada pihak-pihak tertentu di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan bagi tujuan pembayaran, rujukan atau rawatan susulan.
3. Tempoh sah laku Surat Jaminan adalah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh Surat Jaminan dikeluarkan.
4. Surat Jaminan tidak sah untuk sebarang rawatan sebelum tarikh Surat Jaminan dikeluarkan (*back-dated treatment*) kecuali bagi kes kecemasan.

## **SURAT JAMINAN UNTUK TUJUAN RAWATAN SUSULAN (FOLLOW –UP).**

1. Semua pelajar wajib mendapatkan Surat Jaminan terlebih dahulu sebelum tarikh rawatan susulan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh temujanji.
2. Pelajar perlu mengemukakan kad temujanji kepada jururawat bertugas di Klinik Kesihatan Pelajar untuk mendapatkan Surat Jaminan bagi tujuan rawatan susulan.

## **SURAT JAMINAN UNTUK KES KECEMASAN**

1. Pelajar boleh mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan yang lain selepas waktu operasi klinik bagi kes-kes kecemasan atau kemasukan ke wad.
2. Ahli keluarga, sahabat pelajar atau staf Kolej Kediaman boleh mendapatkan Surat Jaminan di Klinik Kesihatan Pelajar dengan mengemukakan kad hospital atau sebarang dokumen pengesahan jika pelajar dimasukkan ke wad.
3. Surat Jaminan boleh diperolehi pada hari bekerja berikutnya untuk pembayaran inbois jika berlaku kes kecemasan atau kemasukan ke wad.
4. Pelajar perlu mengemukakan surat inbois dengan kadar segera ke Klinik Kesihatan Pelajar bagi urusan pembayaran. Pihak klinik hanya menerima inbois yang kurang daripada tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh surat inbois dikeluarkan.

## **TUNTUTAN BAYARAN BALIK**

1. Mana-mana pelajar yang mendapat perkhidmatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan yang lain semasa kecemasan, sebarang bayaran yang telah dibayar boleh dituntut semula dengan pelajar sendiri mengemukakan resit asal pembayaran kepada staf bertugas di Klinik Pelajar.
2. Sebarang bayaran untuk perkhidmatan rawatan yang diperolehi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan yang lain bagi kes bukan kecemasan atau pada waktu operasi Klinik Kesihatan Pelajar tidak boleh dituntut dan tidak akan dilayan.
3. Mana-mana pelajar yang mendapat rawatan atau dimasukkan ke wad di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan lain tanpa Surat Jaminan dari Klinik Kesihatan Pelajar, sebarang kos yang dikenakan tidak akan ditanggung oleh pihak universiti.

## **KEGAGALAN PELAJAR MENDAPATKAN SURAT JAMINAN**

1. Kegagalan pelajar untuk mendapatkan Surat Jaminan menyebabkan sebarang kos yang dikenakan ke atas pelajar tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti.

## **KOS PERBELANJAAN YANG TIDAK DITANGGUNG DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA**

**Seseorang pelajar tidak berhak mendapat faedah di bawah Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar Universiti Malaya bagi perkara seperti berikut:**

1. Kos bagi pemeriksaan mengandung dan komplikasinya, bersalin, pemeriksaan kemandulan dan perancang keluarga.
2. Kos bagi rawatan dan pembedahan kosmetik/estetik.
3. Kos bagi pemindahan organ, pemindahan *bone marrow* atau rawatan dialisis.
4. Kos bagi pembelian gigi palsu, *braces*, alat dengar, kerusi roda, *crutches* dan alat –alat khas ortopedik.
5. Kos rawatan dan kemasukan ke Hospital bagi kes perubatan, pembedahan atau pergigian yang berlaku di luar negara.

6. Kos bagi pengambilan ubat-ubatan khas (ubat yang perlu dibeli di farmasi luar pharummcc atau yang memerlukan sebutarga tertentu) seperti ubat-ubatan HIV, psikiatrik, hepatitis dan rawatan iodin.
7. Kos yang melibatkan pemeriksaan, rawatan dan ujian makmal bagi tujuan penyelidikan.
8. Kos untuk pemeriksaan CT scan atau MRI scan di CIGMIT PPUM.

Disediakan oleh : Dr. Zuraidah Mohamed & SN Latifah Md.Yasin

Disemak oleh : Dr. Mohazmi Mohamed

Dikemaskini : 02.05.2019